

**PERANAN PENYELIA DAN PEMAJU MASYARAKAT KEMAS
SEBAGAI PENGERAK GERAKAN DESA WAWASAN:
SATU KAJIAN KES DI NEGERI SELANGOR**

Oleh

MOHD ARPAN SHARI

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Master Sains**

Jun 2004

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PERANAN PENYELIA DAN PEMAJU MASYARAKAT KEMAS
SEBAGAI PENGGERAK GERAKAN DESA WAWASAN:
SATU KAJIAN KES DI NEGERI SELANGOR**

Oleh:

MOHD ARPAN BIN SHARI

Jun 2004

Pengerusi : **Asnarulkhadi Abu Samah, PhD.**

Fakulti : **Ekologi Manusia**

Gerakan Desa Wawasan (GDW) merupakan gerak kerja yang berteraskan konsep dan pendekatan pembangunan komuniti dan bertujuan bagi mempertingkatkan keupayaan serta tahap pembangunan komuniti desa dalam merealisasikan matlamat Wawasan 2020. GDW menerajui usaha untuk merubah minda dan menggembung faktor sumber manusia kearah memacu pembangunan masyarakat dan negara. Dengan berteraskan pembangunan *homocentric*, GDW menjadi landasan untuk menggilap potensi dan meningkatkan pendayaupayaan komuniti desa dalam membangunkan diri serta memperkuuhkan dayasaing bagi menghadapi cabaran mendatang.

Penyelia dan Pemaju Masyarakat (PPM KEMAS), Bahagian Kemajuan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah), merupakan kakitangan agensi kerajaan yang diberi tanggungjawab dalam merealisasikan dan melaksanakan program-program pembangunan komuniti khususnya dikalangan masyarakat desa di Malaysia. Peranan PPM KEMAS sebagai penggerak GDW dilihat penting dan kritikal dalam konteks kedudukan dan fungsi mereka sebagai barisan hadapan untuk membawa perubahan dan pembaharuan. Menjalankan peranan sebagai penggerak GDW memerlukan mereka melaksanakan pelbagai kategori peranan meliputi peranan sebagai penggerak perubahan, penyelidik, pembantu proses dan penghubung sumber.

Kajian ini cuba menilai peranan-peranan dan tahap perlaksanaan peranan PPM KEMAS sebagai penggerak GDW berdasarkan aktiviti yang dilaksanakan. Kajian ini juga cuba meneliti faktor-faktor yang dikenalpasti berkaitan dengan peranan mereka. Faktor-faktor tersebut meliputi kefahaman terhadap GDW, latihan dan kemahiran, komitmen, urustadbir JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung), birokrasi pentadbiran dan pertalian politik.

Kajian ini merupakan satu kajian kes ke atas PPM KEMAS di negeri Selangor yang terlibat dengan perlaksanaan GDW. Pengumpulan data telah dilakukan dengan menggunakan kaedah kuantitatif melalui borang soalselidik yang dikemukakan secara temubual. Perbincangan kumpulan juga dijalankan bagi mendapatkan maklumat tambahan selepas sesi soalselidik. Kerjasama dari

kumpulan pakar telah diperolehi bagi mengelompokkan dan menentukan skor dalam aktiviti GDW yang dilaksanakan.

Kajian ini telah dapat menilai tahap pencapaian peranan PPM KEMAS sebagai penggerak GDW berdasarkan kelompok aktiviti yang dilaksanakan. Secara umumnya didapati pencapaian peranan sebagai penyelidik dan sebagai pembantu proses berada pada tahap yang rendah, manakala pencapaian peranan sebagai penggerak perubahan dan sebagai penghubung sumber berada pada tahap sederhana. Kajian juga telah meneliti tanggapan PPM KEMAS terhadap faktor-faktor perlaksanaan peranan mereka dan mendapati faktor kefahaman terhadap GDW, latihan dan kemahiran, komitmen dan birokrasi pentadbiran berada pada tahap yang tinggi. Manakala faktor urustadbir JKKK dan pertalian politik berada pada tahap sederhana. Seterusnya kajian ini juga telah mengenalpasti perkaitan di antara kategori-katogeri peranan dengan faktor-faktor perlaksanaan peranan tersebut dan mendapati terdapat beberapa perkaitan yang signifikan antara setiap peranan dengan faktor-faktor tersebut. Tiga daripada faktor berkenaan iaitu faktor latihan dan kemahiran, komitmen tugas serta urustadbir JKKK didapati mempunyai perkaitan yang signifikan dengan beberapa peranan penggerak GDW.

Kajian ini turut mengemukakan beberapa cadangan ke arah mempertingkatkan keupayaan peranan penggerak GDW dan perlaksanaan GDW. Di antaranya ialah meningkatkan keupayaan penggerak GDW dengan memperluaskan kefahaman terhadap GDW, meningkatkan latihan, kemahiran

serta komitmen, mengenalpasti lebih banyak aktiviti GDW, menyediakan garis panduan kepada penggerak GDW, menggunakan kaedah pendidikan tidak formal, mengurangkan karenah birokrasi pentadbiran, meningkatkan tahap profesionalisma JKKK dan merangka strategi serta mekanisma pelaksanaan GDW dengan lebih jelas

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**ROLES OF KEMAS COMMUNITY DEVELOPERS AND SUPERVISORS
AS
GERAKAN DESA WAWASAN MOBILIZERS: A CASE IN SELANGOR**

By

MOHD ARPAN BIN SHARI

June 2004

Chairman : Asnarulkhadi Abu Samah, Ph.D.

Faculty : Human Ecology

Gerakan Desa Wawasan (GDW) is a workforce based on the concept and approach of community development aimed to increase the ability and level of rural community development toward the achievement of the Vision 2020. GDW is a major effort to change the mind and mobilize human resources to foster the development of the society and the country. Based on the homocentric development paradigm, GDW is a mechanism for the rural people to develop their potentials and increase their development towards self-development and greater competitiveness to face the future challenges.

KEMAS Community Developers And Supervisors (KEMAS CDS), Department of Community Development, Ministry of Rural and Regional Development are government officials who are given the responsibilities to implement community development programs especially for the rural communities in Malaysia. The role of KEMAS CDS as GDW mobilizers is critical in the context of their position and function as frontline workers to bring about

change and innovation. As GDW mobilizers, they are required to play multiple roles and include the role of a change agent, researcher, process facilitator and resource linkages.

This study attempt to access the roles and level of role of KEMAS CDS based on the activities they conducted. This study also examines factors that have been identified as related to their roles. These factors include understanding of the GDW, training and skills, commitment, management of JKKK, administrative bureaucracy and political association.

This is a case study among KEMAS CDS in Selangor that are involved in the implementation of the GDW. Data were collected through an interview using a set of questionnaire. Group discussions were also conducted to get additional information after the interview. The cooperation of a group of experts was sought in the classification and determination of scores for the GDW activities.

This study is able to evaluate the level of role attained by the KEMAS CDS as mobilizer based on group activities implemented. In general it is found that the level of role achievement of this workers as researchers and process facilitator is at a low level, while role achievement as change agents and as a resource linkages is moderate. The study also examines the perception of the workers towards certain factors that influence their role. It is found that understanding of KEMAS CDS is perceived to be highly influential. Factors such as management, political associations are perceived to be moderately influential. The study also identified the relationship between the roles and

factors related to them. Three of the factors that have significant relationship with the roles are training and skills, commitment and management of JKKK.

From the study, suggestions have been made to increase the role capacity of the mobilizer and the implementation of the GDW. These are increase the capability of the mobilizers by widening their understanding the GDW, upgrade their training and skills, increase their work commitment, identify more GDW activities, prepare guidelines for the GDW, mobilizer non formal education techniques, decrease red tapes, increase the level of professionalism of the JKKK and draw a clearer strategy and mechanism in the implementation of the GDW.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah s.w.t . kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya semangat, kesabaran dan ketekunan yang dikurniakan merupakan anugerah yang tiada ternilai dan diharapkan berkekalan untuk sepanjang masa.

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Dr Asnarulkhadhi Abu Samah selaku pengurus jawatankuasa penyeliaan, Prof. Madya Dr Abd Halin Hamid dan Prof. Madya Dr Jariah Masud ahli jawatankuasa penyeliaan, yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menjalankan kajian dan menjayakan tesis ini. Begitu juga kepada semua pensyarah dan kakitangan Fakulti Ekologi Manusia yang turut memberikan sokongan dan kerjasama di sepanjang tempoh pengajian saya.

Terima kasih juga saya tujukan kepada Y.Bhg. Dato' Rahmah Kassim dan Tuan Haji Mohd Arif Abu Bakar, bekas Ketua Setiausaha dan Timbalan Ketua Setiausaha KPLBW, pegawai-pegawai di Bahagian Pemodenan Desa, KPLBW, Pengarah KEMAS Negeri Sembilan, Pengarah KEMAS Selangor, serta Pn. Hajah Aiddah Abd Jalil, di pejabat KEMAS Selangor serta semua Penyelia Kanan Kawasan, Penyelia DUN dan Pemaju Masyarakat KEMAS Negeri Selangor yang telah memberikan input, sokongan dan kerjasama bagi membolehkan kajian ini dijalankan.

Saya abadikan juga penghargaan kepada arwah ibu, ayah, isteri serta anak-anak yang sentiasa memberi sokongan dan galakan untuk meneruskan

usaha ini. Semoga semangat, ketekunan, doa serta kejayaan sentiasa menjadi inspirasi untuk semua.

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Mohd Arpan bin Shari telah mengadakan peperiksaan akhir pada 2004 menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk ‘Penyelia dan Pemaju Masyarakat KEMAS sebagai Penggerak Gerakan Desa Wawasan (GDW) : Satu Kajian Kes di negeri Selangor’ mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatan Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah yang tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Nama

Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nama

Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Nama

Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Nama

Profesor
Fakulti
Universiti
(Pemeriksa Luar)

MAD NASIR SHAMSUDIN, Ph.D.

Profesor / Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

Asnarulkhadi Abu Samah, Ph.D.
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdul Halin Hamid, Ph.D.
Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Jariah Masud, Ph.D.
Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, Ph.D.
Profesor / Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PENGAKUAN

Saya dengan ini mengaku bahawa tesis ini adalah berdasarkan kepada hasil kerja asli saya kecuali untuk petikan dan kutipan yang telah dinyatakan rujukannya dengan jelas. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah dikemukakan sebelum ini atau bersama-sama ini untuk mena-mana ijazah di UPM atau lain-lain institusi.

MOHD ARPAN BIN SHARI

Tarikh:

KANDUNGAN

	Muka
Surat	
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	ix
PENGESAHAN	xi
PENGAKUAN	xiii
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xix
SINGKATAN	xx
 BAB 1: PENDAHULUAN	
Latar Belakang Kajian	1
Pernyataan Masalah	5
Objektif Kajian	8
Kepentingan Kajian	8
Batasan Kajian	10
Definasi Istilah	11
 BAB 2: SOROTAN LITERATUR	
Konsep dan Pendekatan Pembangunan	17
Teori-teori yang Berkaitan dengan Perubahan dan Pembangunan	20
Pendekatan Pembangunan Komuniti	30
Prinsip-prinsip Pembangunan Komuniti	32
Peranan Penggerak dalam Pembangunan Komuniti	35
Peranan PPM KEMAS Sebagai Penggerak Faktor-faktor Perlaksanaan Peranan PPM KEMAS	44
Sebagai Penggerak GDW	48
Kerangka Konseptual Kajian	58
 BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
Lokasi Kajian	62
Populasi Kajian	63
Kaedah Pengumpulan Data	65
Kaedah Pengukuran Angkubah	72
Pra Uji Soalselidik	86
Kaedah Penganalisaan Data	87
 BAB 4: HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
Latarbelakang Responden	89
Ciri Latarbelakang Responden	89

Penglibatan dan Keahlian dalam Organisasi Luar	92
Kursus, Latihan dan Konvensyen yang Disertai	95
Tempoh Penglibatan dan Jumlah Jam/Hari Bekerja	97
Senarai Tugas/ Program	98
Beban Tugas	99
 Peranan PPM KEMAS Sebagai Penggerak GDW	102
Kategori Peranan Penggerak GDW	102
Peranan Sebagai Penggerak Perubahan	103
Peranan Sebagai Penyelidik	107
Peranan Sebagai Pembantu Proses	110
Peranan Sebagai Penghubung Sumber	114
 Faktor-faktor Perlaksanaan Peranan	
Sebagai Penggerak GDW	120
Kefahaman Terhadap GDW	121
Latihan dan Kemahiran	122
Komitmen Terhadap Tugas	123
Urustadbir JKKK	124
Birokrasi Pentadbiran	126
Pertalian Politik	127
 Perkaitan Antara Peranan Sebagai Penggerak GDW dengan	
Faktor-Faktor Perlaksanaan Peranan	131
Perkaitan Peranan Sebagai Penggerak Perubahan	133
Perkaitan Peranan Sebagai Penyelidik	134
Perkaitan Peranan Sebagai Pembantu Proses	135
Perkaitan Peranan Sebagai Penghubung Sumber	136

BAB 5: RINGKASAN KAJIAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Ringkasan Kajian, Kesimpulan dan Implikasi Penemuan Kajian	141
Cadangan	163
Cadangan Kajian Masa Hadapan	166

RUJUKAN	168
LAMPIRAN	L
BIODATA PENULIS	L